



**IKLAN JAWATAN BENDAHARI**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Universiti Sains Malaysia (USM) mempelawa individu yang berkelayakan untuk memohon jawatan Bendahari di USM.

Maklumat jawatan ini adalah seperti berikut :-

**1. Jawatan**

Bendahari

**2. Gred Lantikan**

Gred Utama C (VU7)

**3. Kumpulan Perkhidmatan**

Pengurusan Tertinggi

**4. Taraf Lantikan**

Kenaikan Pangkat/Pinjaman/Pertukaran Sementara/Kontrak

**5. Tempoh Lantikan**

Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Gabenor Universiti (LGU) USM.

**6. Gaji Dan Imbuhan**

Gaji dan Imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan mengikut gred dan tertakluk kepada pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

**7. Syarat-Syarat Asas Lantikan**

(a) (i) Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perdagangan atau Pengajian Perniagaan, atau Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(ii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
  - (iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
  - (v) Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah adalah satu kelebihan.
- (b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (c) Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan dan pentadbiran khususnya Skim Perkhidmatan Pegawai Kewangan sekurang-kurangnya 10 tahun. Keutamaan diberi kepada mereka yang pernah berkhidmat di Universiti.

## **8. Bidang Tugas**

Melaksanakan tugas sebagai Bendahari seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Statut USM.

## **9. Kriteria Umum**

### (a) Kecemerlangan Pengurusan

- Berorientasikan Pencapaian - Mempunyai komitmen yang tinggi ke arah peningkatan hasil kerja keseluruhan melalui kecekapan dalam mengurus dan mengelola sumber-sumber yang diperuntukkan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan objektif organisasi.
- Pengurusan Kakitangan - Berkebolehan menambah baik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang dan menyediakan hala tuju yang jelas untuk mencapai jangkaan.
- Pengurusan Kewangan - Mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum (*value for money*).

### (b) Pemikiran Strategik

- Berkebolehan mengenalpasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan. Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh. Berkemahiran dalam merancang dan membangunkan Pelan Strategik Organisasi serta mentafsirkannya sehingga ke peringkat pelaksanaan.

(c) Kepimpinan Berteraskan Nilai dan Etika

- Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan. Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi. Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

(d) Berkepakaran dalam membudayakan idea kreativiti dan inovasi dalam pentadbiran

- Berkebolehan mencetus idea-idea baharu dan meningkatkan usaha untuk mentransformasikan organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan berdasarkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

## 10. Kriteria Khusus

(a) Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

- Berpengalaman sebagai Ketua Jabatan Kewangan/Bahagian/Unit di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Badan-badan Kerajaan, Syarikat-syarikat Multinasional, *Government Link Company (GLC)* atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- Berkemampuan untuk menyediakan perancangan kewangan yang jelas dan berstrategi meliputi pengurusan bajet , '*cost benefit analysis*', '*forecasting needs*' dan peluang-peluang pembiayaan baharu.
- Mampu dalam memastikan sesuatu perancangan kewangan dilaksana dan dikawal dengan baik melalui sistem analisis kewangan yang cekap, selain mematuhi semua keperluan dalam peraturan kewangan/tatacara kewangan/arahan perbendaharaan dan perancangan kewangan Universiti yang telah dibangunkan.
- Berkemampuan dalam mengurus dan menyelaraskan semua aktiviti laporan fiskal untuk organisasi termasuk hasil organisasi/perbelanjaan dan laporan kunci kira-kira, laporan kepada agensi-agensi pembiayaan, pembangunan dan pemantauan belanjawan organisasi dan kontrak/geran. Membangunkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset-aset kewangan universiti.
- Menyelia dan menyelaraskan aktiviti juruaudit bebas yang memastikan semua isu-isu audit diselesaikan, dan semua isu-isu pematuhan dipenuhi serta penyediaan penyata kewangan tahunan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

(b) Pengurusan Perubahan dan Risiko

- Berkeupayaan dalam menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada dan berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko yang baik.
- Berkepakaran dalam mentafsir dan melaksanakan peraturan-peraturan kerajaan dan perbendaharaan, urusan-urusan audit dan undang-undang yang berkaitan secara holistik.

(c) Berkemahiran Menjana Kewangan Universiti

- Berkeupayaan untuk menjana kewangan dan peluang pelaburan Universiti. Berpandangan jauh dalam menentukan hala tuju universiti dalam urusan yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan dan pelaburan (*business mindset*). Mampu untuk membangunkan kapasiti kewangan sedia ada selain mengenal pasti peluang baharu, merancang penggubalan belanjawan dan menentukan keberkesanan kos bagi setiap penyampaian perkhidmatan.

(d) Mempunyai jaringan hubungan yang luas

- Berkeupayaan mengoptimumkan sumber-sumber organisasi untuk memenuhi keperluan pelanggan. Berkebolehan menjalin hubungan kerjasama dan menerapkan nilai-nilai kebersamaan dengan anggota kerja dalam organisasi. Berkebolehan mengenal pasti dan mengambil peluang untuk membina perkongsian strategik dari segi maklumat, idea, pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi.

## 11. Cara Memohon

Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan rasmi dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut : -

- (a) 'Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut :
  - (i) Latar belakang diri termasuk e-mel, alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi.
  - (ii) Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang. Semua salinan sijil akademik dan dokumen yang berkaitan perlulah dikemukakan bersama permohonan ini.
  - (iii) Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).
- (b) Laporan naratif tiga (3) perkara berimpak tinggi yang pernah dilakukan/dicapai bagi skop jawatan yang dipohon. Sila nyatakan kategori impak ini, contohnya dari segi kewangan, proses, governan dan sebagainya.

- (c) Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik sebagai Bendahari USM.
- (d) Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke pegawai dan alamat berikut :

Cik Hazwani binti Abdul Karim  
Penolong Pendaftar Kanan  
Unit Kemajuan Kerjaya  
Bahagian Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar  
Aras 4, Bangunan Canselori,  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang.  
Tel: 04-6536105/ E-mel: wani.karim@usm.my

## 12. Tarikh Tutup

Tarikh tutup permohonan jawatan ini adalah pada **8 Februari 2023 (Rabu)**.

## 13. Catatan Tambahan

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual.
  - (b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh USM.
  - (c) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
-